



## JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KEDAH

### KERTAS SIASATAN IZIN TAWARAN KOMPAUN

Disediakan Oleh :  
UNIT KAWALAN STRATEGIK  
(PENDAKWAAN)

# PENGENALAN

- KS Izin Tawaran Kompaun telah diamalkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah dan JAS Cawangan bermula pada 01 Januari 2017;
- KS Izin Tawaran Kompaun ini adalah susulan daripada Mesyuarat Unit Pendakwaan Negeri Kedah Bersama Agensi – Agensi Penguatkuasaan Bil.1/2016 dan Bil.2/2016 yang telah diadakan pada 15 Jun 2016 dan 20 Disember 2016
- Arahan Izin kompaun perlu dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwaraya Negeri Kedah adalah melalui minit mesyuarat Bil.2/2016;
- Terpakai kepada semua agensi penguatkuasa bagi Negeri Kedah.

# PENGENALAN

- mengeluarkan izin kompaun merupakan perkara yang mudah, namun kertas siasatan tersebut hendaklah diteliti terlebih dahulu kerana bukan semua kes boleh dipersetujui untuk diberikan izin kompaun. Jika ianya membabitkan kes yang serius, kesalahan berulang atau melibatkan kepentingan awam maka izin kompaun tidak akan diberikan, malah akan diarahkan untuk dimulakan prosiding pendakwaan.
- Walaupun kuasa untuk kompaun diberikan kepada Pengarah Negeri atau Ketua Pengarah sesebuah agensi/jabatan, namun diingatkan bahawa kuasa untuk membuat keputusan penawaran kompaun hendaklah diperolehi dari Timbalan Pendakwa Raya juga, supaya boleh dinilai kepentingan individu dan kepentingan awam

# PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN TAWARAN KOMPAUN

- Setiap IO hendaklah mengemukakan syor tindakan susulan penguatkuasaan dalam Laporan pemeriksaan kepada hasil siasatan;
- Bagi syor tindakan tawaran kompaun, IO hendaklah menyediakan kertas siasatan bagi mendapat izin daripada Timbalan Pendakwaraya (TPR) sebelum tawaran kompaun dikeluarkan;
- Setiap IO hendaklah membuka KS sebaik sahaja diarahkan oleh Pegawai Penyelia/Pegawai Atasan;
- KS merupakan fail warna hijau yang SULIT dan hendaklah didaftarkan dengan bahagian fail sulit. Setiap fail siasatan hendaklah mengandungi nombor rujukan yang dicatatkan di atas kulit fail.
- Carta alir penyediaan KS bagi tawaran kompaun adalah seperti di **LAMPIRAN I**

# PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN TAWARAN KOMPAUN

- Bagi memudahkan pengurusan, penyelerasan nombor rujukan KS di buat mengikut nombor pendaftaran sebagaimana Arahan Tetap Operasi Penguatkuasaan – Siri V \_ PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN

NEGERI	CAWANGAN	KOD NEGERI
KEDAH	IBUPEJABAT	K
	LANGKAWI	KV
	KULIM	KK
	SUNGAI PETANI	KSP

KOD NEGERI / TAHUN – NO. PENDAFTARAN KES / (K)

- ✓ K / 2017 – 001 (K)
- ✓ KV / 2017 – 002 (K)
- ✓ KK / 2017 – 003 (K)
- ✓ KSP / 2017 – 004 (K)

# PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN TAWARAN KOMPAUN

- Semua dokumen yang relevan dengan kes hendaklah dimasukkan ke dalam KS yang dibuka. Dokumen – dokumen boleh dibuat salinan daripada dokumen asal.
- Sekiranya tawaran kompaun tidak dijelaskan, dokumen asal akan dimasukkan ke dalam KS. Dokumen – dokumen asal yang dikeluarkan perlu dibuat salinan dan disimpan ke dalam fail punca tersebut.
- Setiap dokumen di dalam KS hendaklah ditandakan. Cth dokumen seperti laporan kimia, laporan siasatan, gambar, borang selongkar, pelan lakar dan lain – lain – D1, D2 ... Dn
- Segala siasatan yang dibuat, maklumat yang diperolehi dari hasil siasatan dan keputusan sesuatu siasatan adalah diklasifikasikan sebagai SULIT dan dengan itu dokumen ini adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Tasmi 1972. Dokumen tidak boleh diberitahu atau dibocorkan kepada sesiapa tanpa kebenaran Ketua Jabatan.

## **RINGKASAN KETERANGAN**

- Ringkasan keterangan adalah ringkasan keseluruhan kes yang disediakan untuk membantu pegawai yang terlibat dalam proses pendakwaan.

## KERTAS MINIT


- Kertas Minit hendaklah mengandungi nombor rujukan KS pada setiap helaian. Dibahagian atas tengah setiap minit hendaklah dinomborkan. Minit yang mengandungi syor arahan atau ketetapan hendaklah ringkas, padat dan relevan dengan kes.
- Kertas minit hendaklah diletakkan disebelah kanan KS dan hendaklah sentiasa berada di bahagian paling atas isi kandungan kertas siasatan.

# **IZIN TAWARAN KOMPAUN**

- Setelah KS dilengkapkan, IO hendaklah merujuk pegawai atasan (KPPKO)/Ketua Cawangan untuk semakan awal sebelum diminitkan kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk mendapat Izin Mengkompaun Kesalahan Boleh Dikompaun. Rujuk **LAMPIRAN II**
- Dua (2) salinan Izin Tawaran Kompaun perlu disediakan untuk ditandatangani oleh TPR.
- KS Izin Tawaran Kompaun JAS Cawangan hendaklah dirujuk kepada Pejabat TPR cawangan.

# CARTA ALIR PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN TAWARAN KOMPAUN

LAMPIRAN I



# IZIN BERTULIS MENGKOMPAUN KESALAHAN BOLEH DIKOMPAUN

## CONTOH 1

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

IZIN DI BAWAH SEKSYEN 45

KEIZINAN BERTULIS MENGKOMPAUN  
KESALAHAN BOLEH DIKOMPAUN

Pada menjalankan kuasa yang diberi kepada Pendakwa Raya, saya,

dengan ini memberi izin kompaun dikeluarkan terhadap :

Nama : Samad bin Isa (No.K/P : xxxxx-xx-xxxx)  
Alamat : 277 Tanjung Dawai, 08100 Bedung Kedah

atas kesalahan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]  
kerana membenarkan pembakaran terbuka ke atas buangan kertas.

Butir – butir kesalahan :

Tarikh : 24 November 2016  
Masa : 10.00 pagi  
Tempat : Lot 123 Mukim Padang Peliang, Pendang, Kedah.

Bertarikh pada

Timbalan Pendakwa Raya  
Kedah Darul Aman

## CONTOH 2

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

IZIN DI BAWAH SEKSYEN 45

KEIZINAN BERTULIS MENGKOMPAUN  
KESALAHAN BOLEH DIKOMPAUN

Pada menjalankan kuasa yang diberi kepada Pendakwa Raya, saya,

dengan ini memberi izin kompaun dikeluarkan terhadap :

Nama : Syarikat ABC Sdn Bhd (xxxxx-K)  
Alamat : 277 Tanjong Dawai, 08100 Bedung Kedah

atas kesalahan di bawah Peraturan 11(2)(b), Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efleun Perindustrian) 2009 kerana membuang efleun perindustrian melebihi yang mengandungi parameter Nitrogen Ammonia melebihi had yang dibenarkan.

Butir – butir kesalahan :

Tarikh : 24 November 2016  
Masa : 10.00 pagi  
Tempat : Lot 123 Mukim Padang Peliang, Pendang, Kedah.

Bertarikh pada

Timbalan Pendakwa Raya  
Kedah Darul Aman

**Terima Kasih**



**Thank You**